

Pertandingan



MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

MEREKA CIPTA LAGU RASMI BAHARU

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

**HADIAH UTAMA
RM 12,000.00**

SIJIL PENYERTAAN + PLAQUE

SAGUHATI

RM 1,000.00 X 4

SIJIL PENYERTAAN

TARIKH TUTUP PENYERTAAN 13.12.2019

JAM 4:00 PETANG

SYARAT-SYARAT :

SILA RUJUK WEB MDKL

[HTTP://WWW.MDKL.GOV.MY/](http://www.mdkl.gov.my/)

HUBUNGI :

UNIT KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM

03-31803694





MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

Pertandingan

MEREKA CIPTA
LOGO

MAJLIS PERBANDARAN
KUALA LANGAT

HADIAH UTAMA
RM 5,000.00
SIJIL PENYERTAAN + PLAQUE

SAGUHATI
RM 500.00 X 4
SIJIL PENYERTAAN

TARIKH TUTUP PENYERTAAN 13.12.2019

JAM 4:00 PETANG

HUBUNGI :
UNIT KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM
03-31803694

SYARAT-SYARAT :
SILA RUJUK WEB MDKL
[HTTP://WWW.MDKL.GOV.MY/](http://www.mdkl.gov.my/)



**BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN MENCIPTA LAGU DAN LOGO BAHARU
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**

1. BUTIRAN PESERTA

- 1.1 Nama :
- 1.2 No. Kad Pengenalan :
- 1.3 Pertandingan: 1.3.1 Mencipta Lagu 1.3.2 Mencipta Logo
- 1.4 Alamat :
-
- 1.5 Emel :
- 1.6 No Telefon :

2. PERAKUAN PESERTA

Adalah saya dengan ini memperakui bahawa penyertaan saya ini adalah asli dan tidak pernah dihantar ke mana-mana pertandingan seumpamanya sebelum ini.

Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta merta jika saya melanggar peraturan ini. Saya bersetuju bahawa ciptaan yang dikemukakan adalah milik Majlis Perbandaran Kuala Langat dan tidak boleh dikembalikan. Saya juga bersetuju bahawa jika terpilih, ciptaan saya ini akan menjadi hak milik Majlis Perbandaran Kuala Langat sepenuhnya dan saya tiada hak keatasnya selepas ini.

Tandatangan :

Tarikh :

* Sila kembalikan borang penyertaan kepada:

Urus Setia Pertandingan,
Mencipta Lagu dan Logo Baharu, Majlis Perbandaran Kuala Langat,
d/a Unit Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Daerah Kuala Langat,
No. 3-2-A, Jalan Suasa 1,
42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.
(Tel: 03-31803694)

3. SYARAT-SYARAT DAN TERMA PERTANDINGAN:

3.1 PERTANDINGAN MEREKA CIPTA LOGO BAHARU MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT:

- a. Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada semua peringkat umur dan warganegara Malaysia sahaja.
- b. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Walau bagaimanapun, hanya satu logo yang akan dipilih sebagai pemenang. **Keputusan juri adalah muktamad.**
- c. Semua rekaan mestilah asli dan tidak diveduk / ditiru / diciplak dari mana-mana logo tempatan atau pun dari luar negara.
- d. Semua logo yang diterima pihak Urus setia Pertandingan akan menjadi **hak milik Majlis Perbandaran Kuala Langat dan tidak akan dikembalikan. Peserta tidak boleh menuntut apa-apa hak atau bayaran di kemudian hari. Majlis Perbandaran Kuala Langat berhak ke atas logo yang terpilih sama ada untuk dipinda atau diubah suai bagi maksud untuk digunakan atau dipamerkan atau pun dicetak dalam mana-mana cetakan, surat menyurat, acara atau majlis rasmi.**
- e. Pemenang utama akan menerima hadiah utama berupa wang tunai RM 5,000.00, sijil penghargaan dan trofi. Pemenang saguhati pula akan menerima hadiah saguhati berupa wang tunai RM 500.00 x 4 dan sijil penghargaan dan setiap peserta akan diberi sijil penyertaan.
- f. Spesifikasi reka bentuk logo:
 - (i) Reka bentuk mestilah baharu dan asli serta tidak mengandungi unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitif dan boleh menyinggung mana-mana pihak. Reka bentuk logo juga wajib memasukkan elemen penting daerah Kuala Langat iaitu bunga Cempaka Kuning sebagai bunga rasmi daerah Kuala Langat dan perkataan "Majlis Perbandaran Kuala Langat". Logo juga perlu menggambarkan elemen "Indah dan Harmoni". Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga. Penyertaan akan terbatal sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli / ciplak.
 - (ii) Reka bentuk hendaklah dihasilkan menggunakan kertas bersaiz A4 (ukuran 21 cm x 29.7 cm) berwarna putih dalam komputer grafik dan dilekatkan pada kertas tebal atau *mounting board* dan juga disediakan dalam bentuk *softcopy* menggunakan format AI (Adobe Illustration) atau JPEG resolusi minimum 1280 x 960 atau menggunakan perisian terkini yang bersesuaian.
 - (iii) Peraka hendaklah memberi keterangan atau penjelasan (rasional) ke atas reka bentuk logo dan simbol serta warna yang digunakan.
- g. Reka cipta logo hendaklah menggunakan empat warna utama iaitu biru, hijau, kuning dan merah dan lain-lain warna yang bersesuaian.
- h. Reka bentuk hendaklah jelas, menarik dan kemas.
- i. **Tarikh Tutup Penyertaan : 13 Disember 2019 (Pukul 4:00 petang).**

3.2 PERTANDINGAN MENCIPTA LAGU RASMI BAHARU MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT:

- a. Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada semua peringkat umur dan warganegara Malaysia sahaja.
- b. Pencipta dan penulis lirik boleh menghantar lebih daripada (1) lagu ciptaan bersama borang penyertaan dan hendaklah merupakan ciptaan asal pencipta dan penulis lirik. Walau bagaimanapun, hanya satu lagu yang akan dipilih sebagai pemenang. **Keputusan juri adalah muktamad.**
- c. Lagu hendaklah tidak pernah diterbitkan atau disiarkan atau dirakamkan sama ada bagi maksud komersil atau tidak.
- d. Lirik atau seni kata lagu hendaklah mempunyai nilai-nilai murni menggambarkan peranan, fungsi, misi, visi Majlis Perbandaran Kuala Langat dan memasukkan elemen daerah Kuala Langat seperti slogan "Indah dan Harmoni", bunga Cempaka Kuning sebagai bunga rasmi dan keadaan daerah Kuala Langat, tidak mengandungi unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitif serta boleh menyinggung mana-mana pihak.
- e. Tempo muzik adalah terbuka.
- f. Tempoh lagu tidak melebihi lima (5) minit.
- g. Format hendaklah berbentuk MP3 dan *minus one* dan disalinkan ke Audio CD atau DVD sahaja dan disertakan lirik dan nyanyian.
- h. Semua lagu yang diterima urus setia Pertandingan Menciapt Lagu Baharu Majlis Perbandaran Kuala Langat akan menjadi **hak milik Majlis Perbandaran Kuala Langat dan tidak akan dikembalikan. Peserta tidak boleh menuntut apa-apa hak atau bayaran di kemudian hari. Majlis Perbandaran Kuala Langat berhak ke atas lagu yang terpilih sama ada untuk dipinda atau diubah suai atau pun bagi maksud untuk digunakan atau disiarkan atau pun dicetak dalam mana-mana acara atau sambutan.**
- i. Pemenang akan menerima hadiah berupa wang tunai RM 12,000.00, trofi dan sijil penghargaan. Pemenang saguhati pula akan menerima hadiah saguhati berupa wang tunai RM 1,000.00 x 4 dan sijil penghargaan.
- j. **Tarikh Tutup Penyertaan : 13 Disember 2019 (Pukul 4:00 petang).**